



BULETIN BAKEMAS

Tiada yang lebih menggembirakan hati seorang mukmin apabila dapat menyempurnakan nafkah kepada diri dan tanggungannya melalui jalan yang halal serta mendapat keredhoan Ilahi, namun seberapa ramai pula yang prihatin tentang status halal dalam kandungan yang dibeli?



Dari Abu Abdillah An-Nu'man bin Basyir – R.A berkata: Aku telah mendengar Rasulullah – SAW bersabda : “Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas, dan di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang syubhat (samar-samar / tidak jelas halal atau haramnya) yang tiada diketahui oleh kebanyakan manusia.

....



Barangsiapa yang memelihara dirinya dari pekara-pekerja yang syubhat itu, maka dia telah melindungi agama dan kehormatannya dirinya.

No.3 I/2008

Rabiul Awal 1429 H

BAKEMAS FC JUARA



1 Mac 2008, Kejayaan sulung pasukan Futsal BAKEMAS FC telah membuka mata banyak pihak dalam kejohanan Piala Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor. Kejohanan yang julung kali diadakan membariskan penyertaan dari jabatan-jabatan yang berkaitan dengan hal ehwal Islam di Negeri Selangor. Pada peringkat final BAKEMAS FC yang diterajui oleh Kapten pasukan Radi bin Mohamad telah menundukkan Laici De' Go Go FC dari JAIS dengan jaringan 4 berbalas 1. Dengan kejayaan ini pastinya meningkatkan moral semua ahli BAKEMAS khususnya dalam bidang sukan. Pengerusi Biro Sukan dan Kebudayaan, Tn Mohamed Fouzi adalah orang yang amat gembira dengan kejayaan tersebut dan akan terus memberi sokongan segenap segi kepada pasukan ini. Dilaporkan juga pasukan ini telah bergiat aktif dalam banyak perlawanan persahabatan sebelum ini



FREE BOWLING

Semua ahli BAKEMAS yang berminat tanpa mengira tahap kemahiran adalah dijemput untuk menunjukkan kehebatan masing-masing di Pyramid Megalanes Sunway Pyramid, jangan ketinggalan!, Maklumat lanjut sila ke halaman 2 dan 3.

...Dan barangsiapa yang tergelincir ke dalam pekara syubhat itu berarti ia tergelincir masuk ke dalam pekara haram

.....



...Laksana seorang pengembala di pinggir sebuah daerah larangan, yang akhirnya masuk ke dalam daerah larangan itu. Ketahuilah sesungguhnya bahwa setiap raja mempunyai daerah larangan, Ketahuilah, sesungguhnya daerah larangan Allah itu adalah pekara-pekara yang diharamkanNya.



...Ketahuilah, dalam setiap tubuh itu ada segumpal daging. Jika daging itu baik, maka baiklah seluruh tubuh itu dan jika ia rosak maka rosaklah seluruh tubuh itu. Ketahuilah, Itu adalah hati."

(Bukhari dan Muslim)



Sertai komuniti pengguna Islam dalam laman web www.muslimconsumer.org.



PERTANDINGAN BOLING

Senua ahli BAKEMAS yang berminat dipersilakan untuk mendaftar bagi penyertaan seperti butiran berikut.

Tarikh : **4 Mei 2008 (Ahad)**

Masa : 9.00 pagi

Pendaftaran : **Pyramid Megalanes Level F, Sunway Pyramid, Subang Jaya.**

Penyertaan: Semua Ahli BAKEMAS

Bayaran: **Percuma**

Hadiah: 1-7 (Lelaki / Wanita)

: Hamper Cabutan Bertuah disediakan untuk peserta

Kategori : Individu Lelaki dan Wanita

Permainan : **3 game seorang**

Cara untuk menyertai : Isi borang yang disediakan bersama bulletin bil 3. Aturcara - 9.00- 9.30 pagi – Pendaftaran peserta 9.30-9.40 – Taklimat Ringkas dan Sessi Bergambar -9.40-9.45 - Balingan latihan - 9.45 – 11.15 – Pertandingan dijalankan (cabutan bertuah akan diadakan semasa pertandingan berjalan) - 11.30 – Penyampaian Hadiah. Sila daftar awal untuk mengelakkan kesulitan di saat-saat akhir. Maklumat lanjut boleh didapati dari borang di m/s 3.

SEMINAR PENGGUNA ISLAM SIRI 2

Biro Dakwah dan Pendidikan telah berjaya menganjurkan Seminar Pengguna Islam pada 21 Mac 2008. Seminar tersebut diadakan atas rasa tanggungjawab dan keprihatinan Ahli BAKEMAS yang telah menghadiri seminar yang serupa pada September 2006 yang lalu. Ceramah disampaikan oleh Encik Nur Nirwandi bin Md Nordin selaku Pengarah Projek PPIM (Persatuan Pengguna Islam Malaysia). Ceramah beliau bertajuk 'Hak Pengguna Dimana Ke-



kuatan Kita'. Program ini telah mendapat sambutan

yang amat baik dengan mencatat kehadiran seramai 61 orang ahli. Program bermula jam 9.15 pagi dan berakhir jam 12.15 tengahari. Para peserta turut diraikan dengan kuiz yang menyediakan hadiah berupa keahlian PPIM secara percuma dan cenderahati daripada BAKEMAS. Disepanjang seminar ini ahli BAKEMAS telah memanfaatkan peluang sepenuhnya dengan mendapat maklumat yang jelas dan berdialog secara terus dengan PPIM berkaitan barangan yang digunakan setiap hari.





HARI KELUARGA BAKEMAS 2008

'Penggunaan agen aktif permukaan di dalam makanan adalah harus, dengan syarat sumber-sumber agen aktif permukaan tersebut diperolehi daripada tanaman dan sekiranya daripada binatang hendaklah binatang halal yang disembelih menurut cara Islam' .

www.halaljakim.gov.my

Hari Keluarga BAKEMAS telah berlangsung dengan jayanya pada 26 dan 27 Januari 2008 di Casa Rachado Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Seramai 51 ahli BAKEMAS dicatatkan telah hadir dan dari jumlah keseluruhannya seramai 106 ahli keluarga dan kanak-kanak turut hadir menceriakan suasana disepanjang program berlangsung. Secara keseluruhannya, semua pihak menikmati acara yang disediakan oleh Biro Kebajikan. Pengarah yang bertungkus lumus untuk menayakan program tahunan ini, Drs Atras bin Hj Mohd Zin terpaksa berpuashati dengan kehadiran pada hari tersebut. Paling memuaskan hati bagi semua peserta adalah hampir setiap peserta mendapat habuan.



Sumbangan penaja yang terdiri dari 16 syarikat dan individu yang menggalakkan turut membantu kelancaran program ini. Selain daripada aktiviti fizikal, aktiviti pengisian rohani juga dianjurkan dalam slot kuliah Subuh dan ceramah motivasi oleh penceramah tempatan. Sehubungan dengan itu, selaku pengarah dan mewakili semua ajk yang terlibat. Drs Atras berasa amat bersyukur dan memohon kemaafan sekiranya terdapat sebarang kesilapan dan kecuaiian sepanjang program tersebut berlangsung.



" Hukum menyuntikkan Insulin daripada najis mughalazah (babi) bagi tujuan perubatan pesakit kencing manis adalah harus kerana darurat. Begitu juga hukuman bagi mereka yang menjalankan penyuntikannya. " Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam Kali ke - 6

KAMI SEDIA DICABAR

Pasukan BAKEMAS FC yang mengharumkan nama JAKESS pada kejohanan bertaraf tournament wajar diberi sanjungan. Pasukan ini terdiri dari Radi B. Mohamad, Mohd Soleh B. Bahari, Nazri B. Muhd Anuar, Ekhwani Shafiq B. Abdul Khalik

Mohamad Razali B. Hassin, Norlailatul Qadri B. Hj Sarbini dan Mohd Fahrudin B. Mohamad Bajuri . Mereka juga mengharapkan sokongan moral daripada ahli BAKEMAS yang lain apabila berlangsungnya perlombongan pada masa akan datang.



Borang Penyertaan Pertandingan Boling BAKEMAS (ahli BAKEMAS sahaja)

Nama : 1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

MTS/MRS : _____

Saya bersetuju menyertai pertandingan tersebut di atas,

Hantarkan kepada ibu pejabat JAKESS atau fax di talian 03-55191317 sebelum atau pada 25 April 2008 Untuk penerangan lanjut: sila hubungi Sazali bin Ibrahim 0193843839/0355191291 Norhayati binti Akhyad 0355191291 Titi Zarina binti Hashim 0355196405

